

**KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 19 MAC 2014 (RABU)**

Bil	Tajuk	Akhbar
1.	Perlindungan marin perlu diperkukuh untuk tingkatkan kapasiti produktif lautan	BERNAMA
2.	Parlimen: 3,381 belia daftar sebagai sukarelawan ICATs	BERNAMA
3.	3,381 belia sertai 1CATs	Utusan Malaysia
4.	Pusat cucian kereta disaran kitar semula air	BERNAMA
5.	Pusat cucian kereta diminta kitar semula air elak bazir	KOSMO
6.	Sembang online bincang misteri pesawat hilang	Utusan Malaysia
7.	Gempa bumi sederhana landa Taiwan	BERNAMA
8.	Ribut petir dan hujan lebat sepanjang pagi di Pahang dan Sarawak	BERNAMA
9.	Amaran angin kencang, laut bergelora dijangka berterusan hari ini	BERNAMA
10.	Cloud seeding to go on if need arises despite rain forecast	The Star
11.	Water and weather situation improving, says minister	The Malay Mail
12.	Push-button medical emergency sytem launched	The Star
13.	Pakar saran kerajaan bangun industri aeroangkasa	BERNAMA



Perlindungan Marin Perlu Diperkukuh Untuk Tingkatkan Kapasiti Produktif Lautan

KOTA KINABALU, 18 Mac (Bernama) -- Usaha-usaha untuk melindungi biodiversiti marin perlu diperkukuhkan untuk meningkatkan kapasiti produktif lautan, kata **Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Dr Ewon Ebin.**

Beliau berkata ini kerana sumber hidupan laut semakin mendapat perhatian di seluruh dunia bagi memenuhi keperluan pemakanan manusia dan mencapai matlamat pembangunan sosio ekonomi.

"Interaksi manusia dalam ekosistem marin pantai sangat aktif yang tahap tekanannya hanya boleh ditangani menerusi idea inovatif dengan asas saintifik kukuh bagi pembangunan mapan.

"Tindakan manusia dalam bentuk eksploitasi berlebihan sumber biologi, amalan perikanan yang tidak lestari, kemusnahan habitat, kehilangan biodiversiti, pencemaran alam dan pemunggaan nutrien yang berlebihan menyebabkan episod berulang peningkatan alga berbahaya merupakan ancaman kepada kemapanan," katanya semasa merasmikan Persidangan Antarabangsa Sains Marin dan Akuakultur 2014 di sini, Selasa.

Ewon menegaskan kerjasama global amat penting untuk menangani masalah yang menjejaskan alam sekitar.

Beliau berkata cabaran hebat kepada pembangunan mapan adalah perubahan iklim, terutamanya kesannya dalam bentuk pengasidan laut dan pengembangan zon mati di laut.

"Akuakultur menjadi popular dalam menangani masalah makanan laut, tetapi juga memerlukan pengeluaran yang dipergiatkan," katanya.

Terdahulu, Naib Canselor Universiti Malaysia Sabah (UMS) Datuk Dr Mohd Harun Abdullah berkata perspektif ekosistem telah merangkumi semua aspek pengeluaran makanan laut, sama ada di laut atau dalam sistem budaya di darat.

"Pembangunan mapan sumber marin boleh dicapai sekiranya nasihat saintifik yang berasaskan kepada biologi, pertimbangan sosial dan ekonomi disepadukan dalam perumusan dasar yang mengawal selia penggunaan sumber boleh diperbaharui," katanya.

Teks ucapan beliau disampaikan oleh Timbalan Naib Canselor UMS Prof Sharif Abd Kadir S. Omong Al-Haj.

Selain dari Malaysia, negara-negara seperti Jepun, Australia dan Singapura menyertai persidangan tiga hari itu yang dianjurkan oleh Institut Penyelidikan Marin Borneo UMS.



Parlimen: 3,381 Belia Daftar Sebagai Sukarelawan ICATs

KUALA LUMPUR, 18 Mac (Bernama) -- Sebanyak 3,381 belia telah mendaftar sebagai sukarelawan 'Innovation Catalysts' atau iCATs, sejak dilancarkan setahun lepas.

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi Datuk Dr Abu Bakar Mohamad Diah berkata daripada jumlah itu 1,846 adalah wanita.

"Penyertaan program iCATs dipergiatkan menerusi sembilan program di seluruh negara merangkumi aktiviti fizikal dan dalam talian.

"Pembabitan dalam program menerusi laman web iCATs, Jejak Inovasi, Program Yayasan Inovasi Malaysia (YIM) Kids Invent serta aplikasi mudah alih YIM memberi pendedahan pada golongan belia dan membolehkan mereka menjadi ejen perubahan dalam memupuk kepentingan inovasi dalam diri, komuniti dan negara," katanya menjawab soalan Mas Ermieyati Samsudin (BN-Masjid Tanah) dalam persidangan Dewan Rakyat, di sini, Selasa

iCATs dilancarkan Timbalan Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin pada Mac tahun lepas untuk menggalakkan lebih ramai belia Malaysia menjadi ejen strategi.

Abu Bakar berkata sehingga kini program itu menerima peruntukan berjumlah RM530,000.

-- BERNAMA

KERATAN AKHBAR
UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI) : MUKA SURAT 25
TARIKH : 19 MAC 2014 (RABU)

**3,381 belia
sertai ICATS**

KUALA LUMPUR 18 Mac - Penggerak Inovasi Malaysia (ICATS) yang bertujuan memperkasakan budaya inovasi dalam kalangan masyarakat atas semangat kesukarelawan telah menerima pendaftaran sebanyak 3,381 belia iaitu 1,846 adalah golongan wanita.

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Dr. Abu Bakar Mohammad berkata, program sukarelawan yang dilaksanakan oleh Yayasan Inovasi Malaysia (YIM) itu dipergiatkan menerusi sembilan program di seluruh negara, merangkumi aktiviti-aktiviti fizikal dan dalam talian.

Katanya, pembabitan dalam program menerusi laman web ICATS, YIM Ideation & Kid Event serta aplikasi mudah alih YIM memberikan pendedahan kepada golongan belia menjadi ejen perubahan masyarakat bagi meningkatkan kesedaran serta memupuk kepentingan inovasi dalam diri, komunikasi dan negara.

"Penyertaan sebagai sukarelawan adalah bagi memudahkan para sukarelawan mendapat maklumat lebih lanjut berkaitan program ICATS," katanya dalam sidang Dewan Rakyat hari ini.

Beliau berkata demikian bagi menjawab soalan **Mas Ermieyati Samsudin (BN-Masjid Tanah)** di Dewan Rakyat hari ini. berhubung penglibatan wanita dari institusi pengajian tinggi awam (IPTA) yang kreatif dalam program ICATS, prosedur untuk menyertai program tersebut serta jumlah dana diperuntukkan terhadapnya.



Pusat Cucian Kereta Disaran Kitar Semula Air

KUALA LUMPUR, 18 Mac (Bernama) -- Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar Datuk Seri G. Palanivel menyarankan pusat-pusat cucian kereta negara ini mengitar semula air yang digunakan bagi mengelakkan pembaziran.

Beliau berkata cadangan itu pernah dikemukakan pada mesyuarat kabinet beberapa bulan lepas, dengan teknologi untuk program kitar semula air melibatkan pusat cucian kereta boleh dipelajari daripada negara seperti Australia.

"Buat masa ini, bila kita cuci kereta atau motosikal air itu hanya dibiarkan mengalir ke longkang, sedangkan air sangat penting dalam kehidupan seharian dan perlu dipelihara sebaik mungkin," katanya.

Palanivel berkata demikian kepada pemberita semasa ditemui selepas merasmikan Persidangan Sumber Air Asia (AWARE) 2014 yang dianjurkan sempena Hari Air Sedunia di Kuala Lumpur, Selasa.

Beliau berkata program kitar semula itu jika mahu dilaksanakan, memerlukan kerjasama pelbagai pihak termasuk kementeriannya, **Kementerian Sains Teknologi dan Inovasi Malaysia (MOSTI)** dan Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air (KeTTHA).

Sementara itu, Palanivel dalam ucapannya menyeru kesemua peserta industri dan profesional menggunakan AWARE 2014 untuk mencari penyelesaian dalam memastikan bekalan air yang mampan untuk masa hadapan.

"Air telah menjadi satu cabaran besar untuk pembangunan mampan beberapa dekad lepas.

Ketika corak penggunaan terus berkembang, permintaan air bersih dan kos mengawal pencemaran dan melindungi ekosistem juga meningkat, katanya.

Palanivel berkata selain daripada pertumbuhan penduduk dan aliran urbanisasi, keadaan cuaca melampau juga menyumbang kepada keadaan di mana capaian kepada air menjadi satu cabaran.

Sementara itu, Ketua Pengarah Jabatan Pengairan dan Saliran, Datuk Ahmad Husaini Sulaiman berkata pengurusan air yang baik dapat membantu negara mengatasi masalah kekurangan air semasa kemarau memandangkan purata hujan tahunan di sini agak tinggi iaitu 3,500 milimeter.

"Pengurusan air juga memerlukan kerjasama orang ramai, contohnya tidak membuang sampah ke sumber air seperti di Sungai Klang.

"Tiga tahun lalu, purata sampah yang diangkut setiap hari dari perangkap sampah ialah antara 80 ke 90 tan," katanya.

Bagaimanapun, Ahmad Husaini mengakui jumlah itu semakin berkurangan selepas program Sungai Nadi Kehidupan yang bermatlamat untuk memberi nafas baharu kepada Sungai Klang dan Sungai Gombak dilancarkan pada 2011.

Lebih 100 pakar air termasuk mereka dari Vietnam, Filipina dan Thailand menyertai persidangan dua hari yang bermula hari Selasa sementara 726 peserta daripada 42 negara mengambil bahagian dalam expo di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur pada Rabu dan Khamis ini.

Pusat cucian kereta diminta kitar semula air elak bazir

KUALA LUMPUR - Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Seri G. Palanivel (**gambar kecil**) meminta pusat-pusat cucian kereta di negara ini mengitar semula air yang digunakan bagi mengelakkan pembaziran.

Menurutnya, cadangan itu pernah dikemukakan pada mesyuarat Kabinet beberapa bulan lalu, dengan teknologi untuk program kitar semula air melibatkan pusat cucian kereta boleh



dipelajari daripada negara seperti Australia.

"Buat masa ini, apabila kita cuci kereta atau motosikal, air dibiarkan mengalir ke longkang sedangkan air sangat penting dalam kehidupan seharian," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Persidangan Sumber Air Asia 2014 di sini semalam.

Palanivel memberitahu, program kitar semula itu jika mahu dilaksanakan memerlukan ker-

jasama pelbagai pihak termasuk kementeriannya, Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi serta Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air.

Sementara itu, Ketua Pengarah Jabatan Pengairan dan Saliran, Datuk Ahmad Husaini Sulaiman berkata, pengurusan air yang baik dapat membantu negara mengatasi masalah kekurangan air semasa kemarau.

"Pengurusan air juga memerlukan kerjasama orang ramai, contohnya tidak membuang sampah ke sumber air seperti di Sungai Klang," ujarnya. - Bernama

**KERATAN AKHBAR
UTUSAN MALAYSIA : MUKA SURAT 15
TARIKH : 19 MAC 2014 (RABU)**

Sembang Online bincang misteri pesawat hilang

KUALA LUMPUR 18 Mac - Bagi memberi peluang kepada pembaca *Utusan Malaysia* untuk terlibat sama dalam perbincangan mengenai kehilangan pesawat MH370, satu sesi *Sembang Online* secara langsung akan diadakan di portal *Utusan Online* esok pukul 9 malam.

Sesi *live chat* yang diadakan secara *live streaming* itu akan menjemput Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) dan Pengarah Urusan Astronautic Technology Sdn. Bhd. (ATSB), Datuk Dr. Ahmad Sabirin Arshad sebagai tetamu.

Perbincangan secara santai itu akan cuba memberi peluang kepada para pembaca untuk bertanya mengenai usaha mencari dan menyelamat (SAR) pesawat MH370 yang hilang sejak 8 Mac lalu, khususnya mengenai peranan dan penglibatan satelit.

Insiden kehilangan pesawat Penerbangan Malaysia (MAS) yang membawa 239 penumpang termasuk 12 anak kapal itu telah memperlihatkan fungsi dan peranan satelit bagi memantau serta menjejaki kedudukan pesawat dari ruang angkasa.

Satelit Inmarsat dilaporkan telah memberikan maklumat penting kepada kedudukan terakhir pesawat MH370 yang menjadi panduan kepada Malaysia untuk mencari pesawat Boeing 777-200ER itu di koridor utara ke Kazakhstan dan di koridor selatan ke selatan Lautan Hindi.

Sebelum menjadi CEO ATSB, Dr. Ahmad Sabirin pernah menjadi pengurus projek bagi program satelit mikro pertama Malaysia, TiongSat-1.

Terlibat aktif dalam bidang sains dan teknologi satelit, beliau juga anggota pasukan kejuruteraan yang merintis pembinaan satelit Measat-1 di syarikat antarabangsa, Boeing.

Bermula pukul 9 malam, sesi *Sembang Online* bersama Dr. Ahmad Sabirin dapat diikuti di portal berita *Utusan Online* di <http://www.utusan.com.my>.

BERITA ONLINE
BERNAMA.COM
TARIKH: 19 MAC 2014 (RABU)



Gempa Bumi Sederhana Landa Taiwan

KUALA LUMPUR, 18 Mac (Bernama) -- Gempa bumi sederhana berukuran 5.3 pada skala Richter melanda Taiwan pada 9.12 malam semalam.

Jabatan Meteorologi Malaysia dalam kenyataan berkata gempa itu berpusat 129km tenggara Keelung, Taiwan dan 2,017km timur laut Kudat, Sabah.

Gempa itu tidak membawa ancaman tsunami, katanya.

-- BERNAMA

BERITA ONLINE
BERNAMA.COM
TARIKH: 19 MAC 2014 (RABU)



Ribut Petir Dan Hujan Lebat Sepanjang Pagi Di Pahang Dan Sarawak

KUALA LUMPUR, 18 Mac (Bernama) -- **Jabatan Meteorologi** mengeluarkan kenyataan amaran ribut petir dan hujan lebat di beberapa bahagian sekitar Pahang dan Sarawak sepanjang pagi Selasa.

Menurut kenyataan itu, daerah di Pahang yang terlibat ialah Rompin, Pekan, Maran, Bera, dan Kuantan.

Pada masa sama, keadaan ini dijangka turut berlaku di Sarawak melibatkan Kapit (Daerah Song), Sibu (Daerah Kanowit), Sarikei (Daerah Julau, Bintagor, Sarikei dan Pakan), Betong (Daerah Betong dan Saratok), Sri Aman, Samarahan (Daerah Asa Jaya, Samarahan, Simunjan dan Serian) dan Kuching.

Keadaan ribut petir dan hujan lebat ini mungkin menyebabkan berlakunya angin kencang di kawasan terlibat.

-- BERNAMA



Amaran Angin Kencang, Laut Bergelora Dijangka Berterusan Hari Ini

KUALA LUMPUR, 18 Mac (Bernama) -- Angin kencang Timur Laut dan laut bergelora dijangka berterusan melanda kawasan perairan Kelantan, Terengganu, Pahang, Samui dan Tioman sehingga hari ini.

Jabatan Meteorologi Malaysia dalam kenyataan di sini Selasa memaklumkan keadaan angin berkelajuan dari 40 kmsj dan ombak melebihi 3.5m itu berbahaya kepada semua bot kecil, rekreasi laut dan aktiviti sukan laut.

Keadaan ini diramal turut berlaku di sekitar perairan Sarawak (Bintulu dan Miri), Wilayah Persekutuan Labuan, Sabah (pantai barat, Pedalaman dan Kudat), Condore, Reef North, Layang-Layang dan Palawan.

Ketampakan rendah kurang dari lima kilometer di sekitar perairan Kedah, Pulau Pinang, Perak, Selangor, Melaka, Negeri Sembilan, Johor Barat dan Selat Melaka disebabkan oleh jerebu juga dijangka berterusan sehingga hari ini.

"Keadaan ini berbahaya kepada kapal-kapal yang tidak mempunyai navigasi pelayaran," menurut kenyataan itu.

-- BERNAMA

KERATAN AKHBAR
THE STAR (NATION) : MUKA SURAT 17
TARIKH: 19 MAC 2014 (RABU)

Cloud seeding to go on if need arises despite rain forecast

By **NURBAITI HAMDAN**
nurbaiti@thestar.com.my

PETALING JAYA: The Malaysian Meteorological Department (MMD) will continue with cloud seeding operations if the need arises despite the forecast rain with the coming inter-monsoon season.

MMD atmospheric science and cloud seeding division director Azhar

Ishak said the department would assess the need for cloud seeding during the inter-monsoon, as the dry spell over the last two months has caused the water level in dams to drop.

"If the forecast rain is not enough to fill the dams, we will continue with cloud seeding.

"We expect states in the West Coast area to receive normal rainfall

of between 200 and 300mm during inter-monsoon. States in the East Coast would also receive rainfall but not as much as the West Coast," he told *The Star* yesterday.

The inter-monsoon season, which is expected to begin end of this month, will last until the middle of May.

Azhar also said the recent rainfall in Klang Valley were a mix of natural rain and cloud seeding.

The department had carried out cloud seeding yesterday over water catchment areas in Selangor and Malacca.

"The natural rain is due to the eastern wind that came from the Western Pacific Ocean. This is the last phase (of rain) in the East Coast monsoon season before we make the transition into the inter-monsoon season," he said.

Water and weather situation improving, says minister

By IDA NADIRAH
ida@mmail.com.my

AS the rainy season begins, the natural resources and environment minister has assured the public that the water and weather situation is improving.

"Because of the drought and open fires, we had hazy weather and water shortage," Datuk G. Palanivel said yesterday.

"But now the rainy season has returned, especially after the successful cloud seeding operations, so weather conditions are getting better.

However, Palanivel said it was difficult to catch and

impose compounds on those responsible for open burning.

"We have issued warnings but the main problem is tracking the people responsible," he said.

He said it was difficult to identify the land owners because they engaged foreigners to do the "dirty work".

In light of the recent water shortage in the Klang Valley and other states, Palanivel urged car wash operators to recycle water.

"It is important that we conserve our water," he said.

"Car wash companies should emulate other countries in recycling water instead of letting it flow into drains and rivers."

He said many other countries had used the method and it was proven successful.

"Countries such as Australia and the UK are conservative and manage their environment very well," he said.

Palanivel said his idea of implementing recycling facilities at car wash outlets had not been well received even though it had been raised at a Cabinet meeting six months ago.

"I am not sure who will handle this, but discussions with the Science, Technology and Innovation Ministry, as well as the Energy, Green Technology and Water ministry will be held," he said.

Push-button medical emergency system launched

By **TAN SHIOW CHIN**
starhealth@thestar.com.my

KUALA LUMPUR: Having a heart attack or a stroke? Just push a button and your GPS coordinates will be sent to the nearest Red Cross emergency centre, which will immediately dispatch an ambulance to your location.

That is the idea behind the Rural Emergency Medical System (REMS) launched yesterday by Deputy Science, Technology and Innovation Minister Datuk Dr Abu Bakar Mohamad Diah at the National Planetarium.

The first of its kind in Malaysia, the REMS is the product of a joint collaboration between the National Space Agency (Angkasa) and the

Malaysian Red Cross, utilising funds from the Science, Technology and Innovation Ministry's 2013 Inclusive Innovation Programme.

Said Angkasa director-general Dr Noordin Ahmad: "This is version 1.0. At this stage, we have successfully launched and run our prototype."

He explained that the system is aimed at lower-income patients with critical illnesses, like heart disease and epilepsy, and pregnant women.

The idea, he said, is that these patients would be given a device in the shape of a watch for men or an iPod for women, to press in case of a medical emergency.

Registration for the device would include their medical history, so that emergency

medical personnel responding to their distress call would have an idea of their condition.

The agency will soon be embarking on a pilot project to test the system under real-life conditions with a further grant of RM1.7mil from the ministry's Techno Fund.

"We have already received inquiries from four (private) hospital consortiums and insurance companies," said Dr Noordin, adding that they hope to eventually expand the system to cover the entire country.

"This is another transformation in the medical system of Malaysia," commented Dr Abu Bakar, suggesting that senior ministry officials should take up the system first as an example to the public.



Pakar Saran K'jaan Bangun Industri Aeroangkasa

KUALA LUMPUR, 18 Mac (Bernama) -- Kerajaan disaran melihat kepentingan membangunkan industri aeroangkasa demi memelihara kedaulatan, keselamatan dan kekayaan negara.

Pensyarah di Jabatan Kejuruteraan Aeroangkasa Universiti Putra Malaysia, Prof Madya Mohamed Tarmizi Ahmad berkata perkara itu tidak mustahil untuk dilakukan kerana negara mempunyai kepakaran.

"Bagus untuk kita memulakannya sekarang iaitu membangunkan 'remote sensing' kita sendiri memandangkan satelit amat mustahak kepada negara dari segi keupayaan untuk mengawal sumber kita.

"Malaysia ada banyak sumber kekayaan termasuk pantai dan perikanan dan semua hasil bumi ini perlu dijaga serta diuruskan sebaiknya," katanya kepada Bernama selepas menjadi tetamu rancangan Ruang Bicara terbitan Bernama TV.

Katanya Malaysia boleh memulakan langkah dengan membangunkan satelit mikro.

"Daripada kita menggunakan (satelit) negara luar atau mereka yang membuat sistem ini, adalah lebih baik kita membangunkannya sendiri kerana kita punya kepakaran yang harus digunakan sebaiknya.

"Kita mencipta satelit kecil tidak mengapa, mungkin ambil masa lima hingga 10 tahun (untuk mencipta dan membangunkan), sebelum kita boleh lancarkan (satelit), yang penting kita bangunkan keupayaan kita sendiri," katanya.

Bagaimanapun beliau mengakui usaha itu memerlukan kesungguhan politik bagi memastikan pembangunan teknologi sedemikian dapat direalisasikan.

"Jika kita tidak membangunkan teknologi seperti ini, tidak mustahil negara akan ketinggalan dengan negara lain yang telah komited mencipta dan mengaplikasikannya.

"Bukan itu sahaja, tanpa menggunakan satelit adalah mustahil untuk kita benar-benar melindungi kawasan luas ini, dan hakikatnya tidak banyak tempat kita boleh liputi dengan hanya menggunakan sistem radar kerana negara kita dikelilingi lautan besar," katanya.

Mohamed Tarmizi pernah berkhidmat sebagai jurutera penerbangan Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) dari 1974 hingga 1994.